

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	13 June 2015



DR. MAHATHIR MOHAMAD bersalam dengan tetamu etnik Rohingya semasa hadir untuk menyampaikan ucapan dalam Persidangan Antarabangsa 'Kesusahan Rohingya: Jenayah Terhadap Kemanusiaan' Siri Kedua di Auditorium Muzium Kesenian Islam di Kuala Lumpur, semalam.

Termasuk singkirkan keahlian dari ASEAN - Dr. M

Bertindak tegas terhadap Myanmar

um-13/6/2015

Oleh FARHANA JONI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 JUN

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menggesa negara-negara anggota ASEAN supaya mengambil tindakan tegas bagi menyelesaikan isu Rohingya termasuk mengeluarkan keahlian Myanmar dalam kesatuan tersebut.

Beliau yang juga Presiden Yayasan Keamanan Sedunia Perdana (PGPF) menegaskan, langkah itu wajar diambil keiana pembunuhan beramai-ramai terhadap etnik Rohingya di Myanmar telah memberi gambaran dan imej buruk terhadap negara-negara anggota ASEAN yang lain.

Katanya, pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan terhadap Rohingya di Myanmar hari ini bukanlah suatu perkara yang layak untuk mendapat sebarang toler-

ansi, malah mana-mana negara sekalipun tidak mempunyai hak untuk melayan rakyat mereka sedemikian rupa.

"Prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman negara anggota yang dipersetujui dalam ASEAN harus diteliti semula dengan menggariskan had-had tertentu kerana situasi yang berlaku di Myanmar ketika ini tidak sepatutnya tejadi dan kita perlu menyatakan pendirian yang tegas dalam isu tersebut.

"Mereka (Rohingya) bukan binatang untuk diperlakukan sedemikian rupa, malah haiwan hanya membunuh untuk tujuan mendapatkan makanan sebaliknya pembunuhan beramai-ramai di Myanmar ini pula adalah sia-sia," katanya ketika menyampaikan ucapan dalam Persidangan Antarabangsa 'Kesusahan Rohingya: Jenayah Terhadap Kemanusiaan' Siri Kedua anjuran PGPF di

Auditorium Muzium Kesenian Islam di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi PGPF, Tan Sri Norian Mai.

Mengulas lanjut Dr. Mahathir berkata, seluruh dunia termasuk Malaysia tidak boleh mengambil tindakan menutup mata mengenai isu Rohingya dan mendakwa itu hanya masalah pelarian manusia.

Katanya, Rohingya bukan pelarian tetapi mereka dilayan seperti mangsa pelarian yang berpunca daripada tindakan pembunuhan beramai-ramai yang berlaku di Myanmar.

"Lebih menyedihkan apabila pemimpin Myanmar yang juga ikon demokrasi dunia, Aung San Suu Kyi juga tidak prihatin terhadap kesusahan yang dialami etnik Rohingya kerana behau tidak memberi sebarang maklum balas terhadap surat saya yang menggesa supaya menghentikan kezaliman tersebut," katanya.